No. Rujukan : UTeM.02/10.12/2 Jld.2 (51)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 16 TAHUN 2010

PENETAPAN DAN PERLAKSANAAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/SETIAUSAHA PEJABAT

Pejabat Pendaftar
23 Mac 2010

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02/10.12/2 Jld.2 (52) 23 MAC 2010

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2010

PENETAPAN DAN PERLAKSANAAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/SETIAUSAHA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti mengenai Penetapan dan Pelaksanaan Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat. Lembaga Pengarah Universiti yang bermesyuarat pada 23 Februari 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai secara keseluruhannya Pekeliling Perkhidmatan Bil 27/2009 – Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha/Setiausaha Pejabat dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2010 – Pelaksanaan dan Penetapan Gred Jawatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Pada masa ini, jawatan Pembantu Tadbir Kesetiausahaan di Universiti diwujudkan bagi melicinkan pengurusan pejabat bagi Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab serta Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan). Antara fungsi atau tugas mereka ini meliputi kesetiausahaan, perhubungan awam dan jaringan kerja.

2.2 Sejajar dengan perkembangan semasa yang menuntut perubahan dan kepesatan teknologi maklumat disamping penekanan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan melalui pelaksanaan *Key Performance Indicators* (KPI) sebagai kayu pengukur, maka tuntutan tugas Pembantu Tadbir Kesetiausahaan ini menjadi lebih kompleks dan memerlukan daya tenaga dan kreativiti yang lebih. Sehubungan dengan itu, Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir Kesetiausahaan ini dimantapkan lagi bagi menghadapi cabaran-cabaran dan peningkatan kompleksiti tugas.

2.3 Pekeliling Bil 27/2009 adalah berkenaan **perubahan skim perkhidmatan** yang dilaksanakan pada Pekeliling Perkhidmatan Bil 10/2007 untuk Pembantu Tadbir Kesetiausahaan Gred N17, N22, N32 kepada skim perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N17, N22, N27/28, N32 dan N36. Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2010 pula adalah untuk memaklumkan tentang penetapan gred jawatan dan kadar elaun Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat berikutan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil 27/2009.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Berikutan daripada persetujuan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27/2009 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2010, Pejabat Pendaftar melalui Ketua Pusat Tanggungjawab akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat di bawah klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran & Sokongan. Staf yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat ke gred-gred yang berkenaan seperti dinyatakan di Lampiran 1.

3.2 Staf yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pertimbangan. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai menolak tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan ini. Bagi staf yang menolak opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat, staf akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dan pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

3.3 Lampiran 2 adalah jadual kerja pemberian tawaran pelantikan ke Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat. Staf yang terlibat dipohon untuk mengambil maklum mengenai tindakan yang akan dilaksanakan.

3.4 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27/2009 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2010. Salinan pekeliling tersebut boleh dirujuk sama ada di laman web Pejabat Pendaftar atau laman web Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di alamat http://www.jpa.gov.my.

4.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27/2009** dan **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2010**, maka dibatalkan peruntukan-peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/2007, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan 12/2008 kecuali bagi tujuan menampung staf yang menolak opsyen ini dan staf yang belum memenuhi syarat untuk ditukar lantik.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuat kuasa bagi pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil. 27/2009 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2010 adalah mulai **1 Januari 2010**. Tarikh pertukaran pelantikan bagi staf menerima opsyen ini adalah pada tarikh pekeliling ini berkuat kuasa.

Sekian, harap maklum.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,

HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

Lampiran 1

No. Rujukan : UTeM.02/10.12/2 Jld.2 (51)

SENARAI PEKELILING PERKHIDMATAN
MENGIKUT BILANGAN DAN TAHUN

BIL	PERKARA	TAJUK	PENERANGAN DAN KEPUTUSAN	TARIKH KUATKUASA
1	**PP 27/2009**	Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	Memperuntukkan perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan seperti berikut: (a) Gred N17 ke Gred N22; (b) Gred N17 ke Gred N28; (c) Gred N22 ke Gred N28; (d) Gred N27/28 ke Gred N32; dan (e) Gred N32 ke Gred N36	**1 Januari 2010**

BIL	PERKARA	TAJUK	PENERANGAN DAN KEPUTUSAN	TARIKH KUATKUASA
			Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat yang baharu seperti berikut:	

SKIM PERKHIDMATAN / GRED SEMASA	SKIM PERKHIDMATAN / GRED BARU (JIKA MENERIMA OPSYEN)
Kelayakan :SPM	
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22
Kelayakan : Diploma Sains Kesetiausahaan & Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat	
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	Setiausaha Pejabat Gred N27
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22	Setiausaha Pejabat Gred N28

BIL	PERKARA	TAJUK	PENERANGAN DAN KEPUTUSAN	TARIKH KUATKUASA
			Kelayakan : SPM, Diploma Sains Kesetiausahaan dan Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32 — Setiausaha Pejabat Gred N32 Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, pewujudan jawatan Pembantu Khas yang baharu hendaklah dipohon berdasarkan keperluan mengikut jawatan gred hakiki Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat seperti di **Jadual 1**: **Jadual 1: Gred Jawatan Hakiki Pegawai Penyelia dan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat** **Bil.** — **Gred Jawatan Hakiki Pegawai Penyelia** — **Gred Jawatan Hakiki Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat** 1. — Gred Utama A, B atau setaraf — N32 2. — Gred Khas A, B atau setaraf ** — N32	

BIL	PERKARA	TAJUK	PENERANGAN DAN KEPUTUSAN	TARIKH KUATKUASA

3.	Gred Utama C atau setaraf	N27/28
4.	Gred Khas C atau setaraf **	N27/28
5.	Gred 54 atau setaraf **	N17/N22
6.	Gred 52 dan Gred 48 atau setaraf ***	N17

** Tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pembangunan Organisasi).

*** Melaksanakan tugas sebagai Ketua Jabatan, tertakluk kepada kelulusan Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA.

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>TAJUK</th><th>PENERANGAN DAN KEPUTUSAN</th><th>TARIKH KUATKUASA</th></tr>
<tr><td>2</td><td>PP 1/2010</td><td>Pelaksanaan dan Penetapan Gred Jawatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat</td><td>Kerajaan melalui PP Bil.1/2010 telah memberi kelonggaran supaya penempatan mereka dilaksanakan secara fleksi.

Kaedah penempatan secara fleksi ini tidak boleh digunakan untuk tujuan kenaikan pangkat. Gred jawatan fleksi Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas kepada Pegawai Penyelia yang layak adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Gred Jawatan Fleksi Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Jawatan Pegawai</th><th>Gred Penempatan Setiausaha Pejabat / Pembantu Khas</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Gred Utama A, B atau setaraf</td><td>N27/28/N32/N36</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Gred Khas A, B atau setaraf **</td><td>N27/28/N32/N36</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Gred Utama C atau setaraf</td><td>N17/N27/28/N32</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Gred Khas C atau setaraf **</td><td>N17/N27/28/N32</td></tr>
</table></td><td>1 Januari 2010</td></tr>
</table>

BIL	PERKARA	TAJUK	PENERANGAN DAN KEPUTUSAN	TARIKH KUATKUASA

5.	Gred 54 atau setaraf **	N17/N27/28
6.	Gred 52 dan Gred 48 atau setaraf ***	N17/N27/28

** Tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pembangunan Organisasi).

*** Melaksanakan tugas sebagai Ketua Jabatan, tertakluk kepada kelulusan Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA.

Berdasarkan **PP Bil. 1/2010** yang perlu dibaca bersama PP Bil. 27/2009, Elaun Pembantu Khas dibayar kepada Setiausaha Pejabat/Pembantu Khas berdasarkan gred jawatan hakiki pegawai penyelia mengikut kadar seperti di **Jadual 2**:

Jadual 2: Kadar Elaun Pembantu Khas

Bil.	Gred Jawatan Hakiki Pegawai Penyelia	Kadar Elaun Pembantu Khas Sebulan (RM)
1.	Gred Utama A, B atau setaraf	190

BIL	PERKARA	TAJUK	PENERANGAN DAN KEPUTUSAN	TARIKH KUATKUASA

2.	Gred Khas A, B atau setaraf **	
3.	Gred Utama C atau setaraf	150
4.	Gred Khas C atau setaraf **	
5.	Gred 54 atau setaraf **	120
6.	Gred 52 dan Gred 48 atau setaraf ***	

** Tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pembangunan Organisasi).

*** Melaksanakan tugas sebagai Ketua Jabatan, tertakluk kepada kelulusan Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA.

Jadual Kerja Pemberian Opsyen Pertukaran Pelantikan Ke Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat

Bil.	Perkara	Tarikh Yang Dijadualkan
1.	Penyediaan Surat Opsyen Pertukaran Pelantikan Skim Perkhidmatan	10 hingga 14 Mac 2010
2.	Surat Opsyen Pertukaran Pelantikan Skim Perkhidmatan Diedarkan Kepada Staf Melalui Ketua PTj	15 Mac 2010
3.	**Sesi Taklimat Mengenai Pemberian Opsyen Pertukaran Pelantikan Ke Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat**	**29 Mac 2010**
4.	Tarikh Tutup Pemulangan Surat Penerimaan Opsyen Pertukaran Pelantikan Skim Perkhidmatan	14 April 2010
5.	Penyediaan Dan Pengeluaran Surat Penerimaan / Penolakan Opsyen Skim Perkhidmatan Oleh Staf Melalui Ketua PTj	15 hingga 23 April 2010
6.	Proses Pertukaran Skim Perkhidmatan Serta Perubahan Emolumen Di Dalam Buku Rekod Perkhidmatan dan *ROC*	Sebelum 6 Mei 2010